

UMS juara debat IKIM

Oleh W. RAHIMAH DRAMAN
Gambar MOHD. NOOR AMIN

SEJAUH mana golongan pelajar di menara gading mampu menahirkkan pendapat, pandangan dan hujah serta petah berbicara dan memahami sesuatu isu khususnya tentang Islam, banyak ditimbulkan oleh masyarakat.

Malah, fenomena siswazah menganggur dan terjebak dengan gejala kurang sihat juga ada hubung kait dengan persoalan ini.

Ini kerana jika mereka faham mengenai falsafah Islam dan isu-isu yang berkaitan, sewajarnya gejala sosial dan masalah moral serta keterampilan diri golongan 'terpelajar' tidak timbul.

Pertandingan Debat Kefahaman Islam kelolaan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) antara jalan keluar yang diharap dapat membantu menangani permasalahan ini.

Ditaja sepenuhnya oleh Yayasan al-Bukhary, Debat Kefahaman Islam musim ke-4 yang baru lalu adalah satu-satunya wadah bagi penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan menonjolkan keterampilan mereka sebagai pendokong generasi akan datang yang benar-benar faham mengenai falsafah Islam.

Dalam hubungan ini, Pengerusi IKIM, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid mengingatkan supaya apa yang difahami dan diperkatakan hendaklah dikotakan.

"Laksanakan apa yang ada fahami dan katakan melalui perdebatan ini serta amalkan dalam kehidupan dan kerjaya harian anda nanti, itulah natijah IKIM," katanya pada majlis penutup dan penyampaian hadiah pertandingan debat edisi keempat yang lalu.

Sebanyak 16 IPT tempatan mengambil bahagian pada pertandingan yang berlangsung selama empat hari dan berakhir pada 22 Disember lalu.

Bagaimanapun hanya pasukan pendebat terbaik dari empat IPT berjaya ke peringkat akhir yang menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan bernilai RM33,000 oleh Yayasan al-Bukhary itu.

Debat yang memperkatakan pelbagai isu semasa dan ummah dalam konteks Islam itu antara lain bermatlamat me-

PERISTIWA

ingkatkan kefahaman Islam dan memberi ruang kepada pelajar IPT mengemukakan pendapat, pandangan serta hujah berkaitan hal ehwal Islam global secara terbuka.

Malah ia turut menjadi medan kepada pihak berkenaan meninjau serta menilai sejauhmana kemampuan penuntut menara gading mampu dan faham mengenai hal yang mereka perkatakan.

Debat yang diperkenalkan oleh IKIM itu bagaimanapun hanya khusus kepada pelajar lelaki sahaja.

Sehubungan itu, mulai edisi akan datang IKIM merancang mengubah format dengan turut memperkenalkan debat untuk pelajar wanita pula.

Ini bermakna, pelajar wanita juga akan berpeluang meluahkan pandangan dan hujah serta berdebat bagi memperkatakan sesuatu isu dalam konteks Islam, sekali gus merealisasikan konsep Islam untuk semua dan tidak mendiskriminasikan jantina.

Selaras dengan konsep untuk mendewasa dan memantapkan pelajar IPT dalam berhujah dan berdebat pula, IKIM turut memperkenalkan hadiah khas untuk pendebat terbaik mulai edisi ke-4 lalu.

Pada pertandingan akhir baru lalu, Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang

bertindak sebagai pembangkang untuk tajuk 'Kecelaruhan dan salah faham tentang Islam berpunca daripada orang Islam sendiri' muncul juara mengalahkan pasukan pencadang, Universiti Teknologi Petronas (UTP).

Sementara pasukan pendebat Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menduduki tempat ketiga mengatasi

lawannya dari Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) melalui tajuk 'Industri asas tani pemacu utama pembangunan negara'.

Burhanuddin Sirajuddin yang mengetuai kumpulan pembangkang UMS muncul pemenang pertama anugerah pendebat terbaik Debat Kefahaman Islam IKIM-al-Bukhary itu.



JUARA dan naib juara Pertandingan Debat Kefahaman Islam dari Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Teknologi Petronas bergambar bersama piala dan replika cek masing-masing.

KEPUTUSAN:

- **Pendebat terbaik:** Burhanuddin Sirajuddin (UMS).
- **Hadiah:** Wang tunai RM1,000 dan sijil.

- **Johan:** Universiti Malaysia Sabah (UMS)
- **Markah:** 77.80 peratus
- **Hadiah:** Wang tunai RM15,000, piala pusingan, buku terbitan IKIM dan sijil penghargaan.
- **Pendebat:** Burhanuddin Sirajuddin, Mohd Qhairol Iqhsaan, Abdul Hani Abdul Manan dan Mursidi Aman (simpanan).

- **Naib Johan:** Universiti Teknologi Petronas (UTP)
- **Markah:** 71.29 peratus.
- **Hadiah:** Wang tunai RM10,000, buku terbitan IKIM dan sijil penghargaan.
- **Pendebat:** Mohd Shafiq Khady Mahmud, Wan Mohd Hariri Mohd Nasihuddin, Abu Hanifa Ayob dan Aminor Rashid Mohd Shari'ai (simpanan).

- **Ketiga:** Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- **Markah:** 78.57 peratus
- **Hadiah:** Wang tunai RM5,000, buku terbitan IKIM, buku terbitan IKIM dan sijil penghargaan.
- **Keempat:** Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM)
- **Markah:** 75.29 peratus.
- **Hadiah:** Wang tunai RM3,000, buku terbitan IKIM dan sijil penghargaan.